

Pembangunan Pasca Pandemik di Malaysia

Masalah, Peluang dan Cabaran

Amin Ahmad

November 2020

Kertas perbincangan

PEMBANGUNAN PASCA PANDEMIK DI MALAYSIA

Masalah, peluang dan cabaran

Noor Amin Bin Ahmad

Pengarah Pengasas

Institute For Leadership And Development Studies (Lead)

PENDAHULUAN

Virus Covid-19 yang mula dikesan pada lewat tahun 2019 mula memberi kesan pandemik pada tahun 2020, menyebabkan krisis bukan sahaja dalam bidang kesihatan tetapi melebar ke dalam sektor ekonomi hampir secara keseluruhannya. Ini berpunca terutamanya kerana satu perintah berkurung (*lockdown*) atau kawalan pergerakan yang dilaksanakan pelbagai negara, mendorong rantaian sektor pelancongan hampir lumpuh sepenuhnya, penyusutan pelbagai penghasilan dan perlahannya urusan perdagangan sama ada di peringkat domestik mahu pun antarabangsa. Di sesetengah negara seperti Malaysia pula, peralihan kuasa pada 1 Mac 2020 menjadikan krisis ini bukan sahaja tentang kesihatan dan ekonomi, tetapi berangkai tiga bersekali dengan politik.

Kertas perbincangan ini cuba mengajak pembaca untuk meninjau pelbagai pandangan penulis tentang isu-isu yang pada hemat beliau perlu diberikan perhatian serius dan segera oleh semua pihak. Penulis percaya bahawa semangat ‘kemusnahan kreatif’ (*creative destruction*) yang pernah dipopularkan oleh ahli ekonomi, Joseph Schumpeter kira-kira lapan dekad lalu boleh diambil sebagai panduan pembuat dasar. Penjelasan menarik beliau tentang mekanisme inovasi proses dan produk secara berterusan melalui penyusunan semula aspek-aspek utama prestasi makroekonomi, bukan hanya tentang pertumbuhan jangka masa panjang tetapi meliputi naik turun ekonomi, penyesuaian struktural dan faktor pasaran yang berfungsi perlu direnung.

Proses ini tentulah perlu mengambil kira keadaan semasa di mana peranan kerajaan dalam ekonomi begitu meluas, di mana perubahan-perubahan yang perlu, mesti dan boleh dilakukan pastinya mempunyai kesan kepada *status quo* atau cara lama kita melakukan sesuatu. Inilah yang akan menjadi masalah atau peluang kepada pembuat dasar semasa. Dalam kertas perbincangan ini penulis cuba memberi sejumlah cadangan umum untuk Malaysia memperbetul semula beberapa aspek fundamental dalam sistem bernegara, cara dan keutamaan penglibatan kerajaan dalam hal ehwal ekonomi.

KEPUTUSAN PRU-14: SEJARAH BARU MALAYSIA

Pada 9 Mac 2018, Malaysia telah menjalankan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Ia menjadi satu sejarah kerana buat kali pertama Barisan Nasional (BN, dulu Perikatan) gagal mendapatkan cukup kerusi untuk membentuk kerajaan. Mereka kalah kepada parti-parti lawan yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang bergabung sebagai Pakatan Harapan (PH). Selain itu, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) khususnya (walaupun mempunyai gabungan Gagasan Sejahtera dengan Parti Ikatan Bangsa Malaysia (IKATAN) dan Barisan Jemaah Islamiah Malaysia (BERJASA) serta rakan strategik dengan Parti Cinta Malaysia (PCM), Parti Harapan Malaysia (PHM) dan Parti Alternatif Rakyat) dan Parti Warisan Sabah (WARISAN) berjaya mencapai kemenangan yang agak signifikan, masing-masing di Kelantan dan Terengganu bagi PAS dan Sabah bagi Warisan. Dalam keputusan yang dibuat kemudian, Warisan menyertai pihak kerajaan dan PAS memilih untuk berada di blok pembangkang. Kekalahan BN juga mendorong Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) dan parti-parti di Sarawak yang sebelum ini bersekutu di bawah BN keluar daripada gabungan itu. Parti-parti di Sarawak ini bekerjasama membentuk Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan berada di blok bebas yang ‘mesra kerajaan’.

Punca kemenangan Pakatan Harapan dan kekalahan BN tidak pernah dibincang secara tuntas. Banyak faktor disebut misalnya protes terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST),

pendedahan penyelewengan besar dalam syarikat milik kerajaan 1MDB, sokongan terhadap Tun Dr. Mahathir, strategi kempen INVOKE yang dipimpin oleh Rafizi Ramli, keutuhan kerjasama PH dan sebagainya. Setiap faktor ini mungkin mempunyai sumbangan tersendiri cuma ia amat sukar diukur. Namun, berdasarkan rekod pengundian lampau, corak sokongan terhadap BN memang mulai merosot. Meskipun mendapat kemenangan besar dan mengekalkan penguasaan majoriti dua pertiga semasa PRU ke-11 pada tahun 2004, BN kehilangan majoriti dua pertiga dalam PRU ke-12 pada tahun 2008. Mereka seterusnya kehilangan undi popular dalam PRU ke-13 pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, angka-angka ini sukar diambil secara mudah memandangkan pada PAS masih bersama Pakatan Rakyat (melibatkan KEADILAN dan DAP) pada tahun 2008 dan 2013.

RAKYAT MAHUKAN PERUBAHAN

Terlepas apa pun tafsiran terhadap keputusan PRU ke-14, rumusan paling mudah boleh dibuat ialah rakyat mahukan perubahan. Kemahuan ini sebenarnya telah ditunjuk dalam keputusan-keputusan PRU yang lalu, termasuk PRU ke-10 pada tahun 1999 dan PRU ke-11 pada tahun 2004.

Pada tahun 1999, rentetan pemecatannya dari kerajaan dengan pelbagai tuduhan luar biasa, Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku mantan Timbalan Perdana Menteri dan mantan Timbalan Presiden UMNO telah melancarkan Gerakan Reformasi. Ia disambut oleh majoriti pengundi kaum Melayu. Namun, BN masih berjaya mengekalkan penguasaan dua pertiga. Umumnya, isu pada masa itu tidak begitu memberi kesan di luar Semenanjung. Ia sekaligus memberikan gambaran kepada umum seolah-olah Sabah dan Sarawak adalah deposit tetap BN. Bagaimanapun, sebagai sebuah parti baru dan bukan parti tempatan, KEADILAN dapat merintis pembukaan cawangan dan bahagian di kedua-dua negeri tersebut. Sebagai perbandingan, UMNO hanya mula bertapak di Sabah pada tahun 1990 dan masih belum bertapak di Sarawak.

Pada tahun 2003, Dato' Seri (kini Tun) Dr. Mahathir Mohamed meletakkan jawatan dan digantikan oleh Dato' Seri (kini Tun) Abdullah Ahmad Badawi. Kurang setahun sebagai Perdana Menteri, beliau memanggil PRU ke-11 untuk menguji sokongan terhadapnya. Sokongan besar yang diperolehi, tertinggi dalam sejarah negara, adalah petunjuk bahawa rakyat, khususnya pengundi Melayu, boleh melupakan protes mereka semasa PRU ke-10 dan mahukan kepimpinan baru mencorak semula hala tuju pembangunan negara. Beberapa langkah pembaharuan telah pun mula dilaksanakan di zaman pentadbiran Tun Abdullah (2003-2008) misalnya:

- i. Meningkatkan kecekapan operasi kerajaan misalnya urusan bayaran balik kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), penyelarasan permohonan yang mengurangkan birokrasi bagi industri hotel; mempercepat proses permohonan lesen niaga dan mempercepatkan proses permohonan paspot di imigresen;
- ii. Mempopularkan semula sektor pertanian sebagai penyumbang hasil negara di mana empat daripada lima koridor ekonomi yang diumumkan oleh beliau lebih bertumpu kepada sektor ini; dan
- iii. Reformasi institusi dengan menaik taraf Badan Pencegahan Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pembentukan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman; memperkemaskan semula Polis Di Raja Malaysia (PDRM) melalui perjawatan dan kelengkapan di samping menikmati kenaikan gaji baru seperti penjawat awam yang lain.

Namun, kegagalan beliau menangani beberapa isu berbangkit menyebabkan BN hilang sokongan majoriti dua pertiga dalam PRU ke-12. Dalam PRU pada tahun 2008 itu, BN juga hilang pentadbiran di negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor, selain terus gagal memenangi Kelantan sejak tahun 1990. Selepas bertanding satu lawan satu di kebanyakan kerusi pilihan raya melalui satu pakatan kerjasama pilihan raya (*electoral pact*), KEADILAN, PAS dan DAP kembali membentuk sebuah kerjasama politik yang baru. Jika pada tahun 1999 (bersekali dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM)) mereka dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA), kini gabungan kembali ini dinamakan Pakatan Rakyat. Selepas tamat tempoh larangan memegang jawatan rasmi politik, pemimpin utama pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim kembali bertanding dalam satu Pilihan Raya Kecil (PRK) di kawasan parlimen Permatang Pauh dan kemudian diangkat menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen. Dato' Seri Abdullah akhirnya tunduk kepada tekanan dalaman BN agar beliau mengambil tanggungjawab terhadap prestasi buruk dalam PRU ke-12 dan mengumumkan penyerahan jawatan Perdana Menteri kepada Dato' Seri Najib Tun Razak pada tahun 2009.

Walaupun umum boleh bersetuju kelemahan Tun Abdullah menjadi penyumbang utama kekalahan semasa PRU ke-12 itu, sukar dipastikan undi protes yang berlaku pada ketika itu adalah berpunca daripada sama ada kritikan berterusan Tun Dr. Mahathir kepada beliau sehinggakan Tun Dr. Mahathir memilih untuk keluar daripada UMNO, keputusan tidak popular yang dibuat oleh beliau misalnya mengapungkan harga minyak secara mengejut, keutuhan kerjasama parti-parti lawan BN pada ketika itu dan sebagainya.

Selepas mengambil alih pentadbiran, Dato' Seri Najib menyerlahkan usaha pembaharuan menerusi kempen 1Malaysia. Beliau cuba mengemukakan agenda transformasi pentadbiran dan liberalisasi ekonomi sebagai langkah awal menangani kesan krisis kewangan dunia pada tahun 2008/2009. Meskipun prestasi BN dalam PRU ke-13 pada tahun 2013 lebih buruk, di mana jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi lebih rendah berbanding PRU ke-12 pada tahun 2008, mereka berjaya merampas semula Kedah dan Perak (meskipun pentadbiran kerajaan Perak sebenarnya telah dirampas lebih awal iaitu pada tahun 2009 apabila tiga wakil rakyat Pakatan Rakyat telah memberikan sokongan mereka kepada BN untuk membentuk kerajaan). Dato' Seri Najib masih kekal sebagai Perdana Menteri dan program-program transformasinya dijalankan dengan lebih tersusun sehinggakan popularitinya didapati kembali meningkat.

Namun, Pakatan Rakyat mendapat keyakinan besar di Selangor dan Pulau Pinang, dua negeri termaju di Malaysia yang masing-masing pentadbirannya diketuai oleh KEADILAN dan DAP. Dasar-dasar dan program-program yang disusun di kedua-dua negeri ini kelihatan cukup menarik dan berbeza daripada BN. Parti-parti pembangkang bukan sahaja berjaya mengekalkan kemenangan di kedua-dua negeri ini, selain PAS terus kekal mentadbir di Kelantan, tetapi jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan tahap sokongan yang diperolehi di kerusi-kerusi DUN ini cukup tinggi.

Dengan terpecahnya Pakatan Rakyat pada tahun 2014, apabila PAS tidak lagi menjadi parti gabungannya, BN dilihat kembali selesa. Pemenjaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2015 menjadikan Najib seolah-olah tidak mempunyai pesaing. Meskipun ada sejumlah isu besar yang menjadi pertikaian ramai antaranya GST dan tatakelola 1MDB, belum ada dari kalangan pemimpin Pakatan Rakyat pada ketika itu dilihat berada di kedudukan mampu mengambil alih kekosongan tersebut.

Kemunculan Tun Dr. Mahathir yang berterusan menyerang Dato' Seri Najib kemudian telah mewujudkan satu keadaan politik berbeza. Sebuah parti politik baru, BERSATU ditubuhkan di

mana Tun Dr. Mahathir menjadi Pengerusinya. Turut sama mengasaskan parti ini antaranya ialah Tan Sri Muhyiddin Yassin, mantan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO serta Dato' Seri Mukhriz Mahathir, mantan Menteri Besar Kedah. Sebelum itu kedua-dua mereka digugurkan daripada jawatan mereka oleh Dato' Seri Najib selaku Perdana Menteri, Presiden UMNO dan Pengerusi BN. Shafie Apdal, mantan Naib Presiden UMNO dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia pula melepaskan jawatannya. Beliau kemudian menubuhkan WARISAN, sebuah parti tempatan pelbagai kaum di Sabah. BERSATU kemudian menyertai PH dan WARISAN pula menjalinkan kerjasama politik dengan PH.

Dalam kempen sengit tiga penjurong di kebanyakan tempat antara BN, PH dan Gagasan Sejahtera (yang didominasi PAS), akhirnya BN tewas. Kemunculan Gagasan Sejahtera, yang dalam kempen popularnya kedengaran lebih banyak menyerang PH berbanding BN, tidak cukup untuk menafikan kemahuan rakyat untuk perubahan. PAS sebagai sebuah parti dengan tapak sokongan Melayu kedua terbesar di Malaysia turut banyak mendapat tempas undi protes. Sekiranya PAS bersama dalam PH, pastinya BN mungkin tewas di lebih banyak kerusi dan PH akan menguasai dua pertiga kerusi Parlimen. Namun, ini tidak berlaku.

PASCA PRU KE-14

Sebaliknya, selepas PRU ke-14, PAS menjalinkan kerjasama dengan UMNO membentuk apa yang dikenali sebagai Muafakat Nasional (MN). Pelbagai isu menyentuh persoalan Raja, kaum Melayu dan agama Islam (lebih dikenali sebagai 3R, iaitu *Royalty, Race and Religion*) dibangkitkan untuk menggambarkan PH gagal menjaga kepentingan ketiga-tiganya. Selain itu turut dimainkan isu kedaulatan negara. Ini misalnya ditunjukkan dalam bantahan terhadap ICERD dan Statut Rom, isu Tabung Haji, tulisan jawi, kematian seorang anggota bomba semasa kejadian merusuh di luar sebuah kuil yang diceroboh, penjualan aset-aset dan penarikan subsidi serta bantuan golongan rentan khususnya kepada petani dan nelayan.

PH dilihat gagal mempertahankan rentak sokongan terhadap mereka tidak lama selepas PRU ke-14. Meskipun cuti percukaian (*tax holiday*) diperkenalkan dengan nilai GST dijadikan sifar dalam tiga bulan pertama dan seterusnya GST dimansuhkan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas, ia belum cukup menggembirakan orang ramai meskipun dasar ini memang dijangkakan. Ini kerana beberapa faktor misalnya kekeliruan mereka dengan fungsi dan corak percukaian GST berbanding Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST), di mana jika dilihat pada jumlah kenaan 6 peratus Cukai Jualan dan 10 peratus Cukai Perkhidmatan¹, angkanya nampak lebih besar berbanding GST, walhal jumlah barangan dan perkhidmatan yang dikenakan cukai adalah lebih sedikit dan jumlah keseluruhan kutipan SST dianggarkan lebih rendah.

Rasa tidak gembira ini ditambah lagi dengan kegagalan Kabinet Tun Dr. Mahathir dan PH menguruskan persepsi umum dengan kenyataan-kenyataan yang bukan sahaja tidak selari dengan manifesto PH dalam PRU ke-14, tetapi juga menunjukkan sikap meremehkannya. Ia seakan-akan memberi gambaran kepada umum bahawa yang diutamakan ialah kemenangan bukan usaha terbaik melakukan perubahan. Ini ditambah

¹ Jumlah kenaan cukai SST ini sama seperti jumlah kenaan SST sebelum GST diperkenalkan.

lagi dengan kegagalan yang sama apabila sesuatu rombakan dasar mahu dibuat, khususnya berkaitan pengurangan subsidi dan bantuan sosial. Meskipun jumlah keseluruhan subsidi dan bantuan sosial yang diberikan lebih besar, penyusunan semula program-program bantuan misalnya pemutihan senarai penerima bantuan, pengurangan jumlah bantuan bahkan penghentian sama sekali program bantuan dilakukan secara begitu drastik.

Meskipun masyarakat umum maklum dan boleh menerima beberapa penjelasan tentang situasi kewangan negara terkait hutang dan liabiliti serta rasuah dan penyelewengan, namun bagi mereka ia adalah terlalu rumit dan pada tahap tertentu sukar difahami. Justeru itu apa yang lebih penting bagi mereka ialah sebuah pentadbiran baru yang dipilih mestilah memberikan perhatian terhadap kebajikan mereka. Sekiranya kebajikan mereka tidak dapat dijaga dengan baik walhal pentadbiran terdahulu yang dikatakan menyeleweng dan gagal boleh melakukannya, maka apa ertinya perubahan pentadbiran? Di sinilah pentadbiran Kabinet Tun Dr. Mahathir dilihat gagal menguruskannya secara lebih teliti. Mereka dilihat terlalu bergantung kepada alasan kesilapan yang dibuat oleh BN pada masa lalu dan kurang menjelaskan dasar-dasar baru yang meyakinkan untuk mewujudkan rasa selesa dan juga selamat di kalangan pengundi.

Peluang ini dimanfaatkan oleh MN untuk mengobarkan rasa tidak berpuas hati kepada pentadbiran Kabinet Tun Dr. Mahathir dan PH. Ini ditunjukkan secara ketara dalam beberapa siri pilihan raya kecil (PRK) di Cameron Highlands, Semenyih, Rantau, Tanjung Piai dan Kimanis, di mana BN memenangi lima daripada enam pilihan raya kecil terakhir sebelum kejatuhan PH pada 1 Mac 2020. DAP menang di Parlimen Sandakan pada Mei 2019 mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ketika analisa lanjut perlu dibuat untuk memahami rasa tidak puas hati di kalangan orang ramai ini, sesetengah pihak sebenarnya telah mempunyai dan mencatur agenda lain untuk tidak memperkukuhkan PH. Maka, berlakulah apa yang kini dikenali sebagai Langkah Sheraton, apabila BERSATU mengumumkan keluar daripada PH dan sejumlah ahli Parlimen KEADILAN keluar parti dan sekaligus PH. Pada 23 Februari 2020, Tun Dr. Mahathir telah meletakkan jawatan Perdana Menteri sekaligus menyebabkan kabinetnya terbubar. Setelah berlaku kebuntuan politik selama kira-kira seminggu, akhirnya Istana Negara mengumumkan titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang berpuas hati untuk menamakan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Kelapan.

Setakat ini, selepas kira-kira sepuluh bulan berkuasa, pentadiran Tan Sri Muhyiddin yang dikenali sebagai Perikatan Nasional (PN) dilihat agak goyah. Bukan sahaja kerana sokongan tipis yang ada di Dewan Rakyat, tetapi juga kerana isu keseimbangan kuasa antara pelbagai parti yang terlibat dalam pembentukan pentadiran PN. Sehingga kini isu ini belum terlihat akan selesai dan kerana itu pentadbiran PN dilihat tidak mempunyai agenda bersama yang dikongsi sepenuh hati. Ini sebenarnya boleh dijangka jika dilihat kepada manifesto-manifesto pelbagai parti yang berada di dalam PN pada hari ini. Cabaran utama pastinya konsistensi dasar. Sekurang-kurangnya di sini PH nampak lebih terarah dalam prinsip-prinsip teras yang memandu kerjasama politik mereka.

Buat masa ini PN boleh dianggap selamat kerana perhatian umum masih berpusat kepada isu-isu seputar pandemik Covid-19. Namun, kesabaran umum pasti ada hadnya. Ketika PN dilihat selesa dalam beberapa bulan pertama mengendalikan pentadbiran yang dirampas daripada PH ini, mereka jelas nampak goyah dalam suku terakhir tahun 2020,

selepas peningkatan kes dan kestabilan kerjasama politik mereka menjadi kian genting sehinggakan ada usaha dibuat oleh PN untuk mengisytiharkan darurat.

MASALAH, PELUANG DAN CABARAN

Dalam perbincangan di atas telah ditunjukkan pengundi mendambakan perubahan. Kesiediaan mereka mengalih sokongan dari satu pilihan raya ke satu pilihan raya yang lain adalah isyarat jelas bahawa mereka semakin kritikal terhadap tatakelola kerajaan yang memberi kesan kepada isu-isu ekonomi. Tatakelola ini sudah tentu bukan sahaja terkait dengan komitmen seseorang ahli politik tetapi juga bagaimana ianya disokong oleh jentera eksekutif yang memahami tuntutan perubahan yang dimahukan.

Kesanggupan pengundi untuk turun menunaikan tanggungjawab mereka dalam setiap kali pilihan raya perlu dihormati. Ia adalah jantung demokrasi. Suka atau tidak, keputusan orang ramai melalui peti undi, sama ada ia mahu dinilai baik atau tidak, adalah jalan wajar yang mesti terus dipelihara dan diperkuatkan untuk membolehkan negara ditadbir secara bersama. Suara rakyat mesti diangkat sebagai suara keramat. Keputusan rakyat tentulah semakin baik sekiranya mereka mempunyai peluang pendidikan bermutu, dijamin sumber maklumat bebas, kebebasan asasi dan perlindungan secukupnya di bawah ketinggian undang-undang (*rule of law*).

Meskipun umumnya majoriti mungkin tidak begitu jelas tentang apakah punca masalah yang sedang dihadapi, mereka umumnya percaya ia berkaitan dengan politik, sama ada politik sebagai punca masalah atau politik sebagai jalan penyelesaian.

Sejak tahun 2003, kepimpinan kerajaan dan politik sentiasa bercakap tentang perubahan. Ini menunjukkan bahawa mesej pengundi mahukan perubahan sebenarnya telah sampai kepada kepimpinan politik berbeza. Masalah yang mungkin timbul ialah apakah jenis perubahan yang dimahukan? Setiap parti politik mungkin mendengar daripada kumpulan berbeza. Justeru itu keutamaan perubahan yang dimahukan tidak sama. Jika ada yang sama sekalipun, kesanggupan melakukan perubahan dalam beberapa perkara sukar dan tidak popular tidak sama.

Jika dilihat kepada pelbagai dokumen perancangan oleh kerajaan, dari satu sudut kita mungkin akan merasakan bahawa perubahan yang didambakan sudah semakin dekat, atau dari sudut lain ia sebenarnya tidak pernah cuba diusahakan secara serius. Banyak visi dikemukakan misalnya dalam Wawasan 2020, siri Rancangan Malaysia setiap lima tahun sekali, pembentangan belanjawan tahunan, Wawasan Kemakmuran Bersama dan sebagainya. Kegagalan komunikasi, sama ada dalam menerima atau memberi maklum balas terhadap perubahan-perubahan yang dituntut, akan merumitkan lagi keadaan.

Kita dapat melihat misalnya, meskipun mendapat sokongan besar dan telah memulakan sebahagian perubahan penting, Tun Abdullah Ahmad Badawi akhirnya 'ditolak' dalam PRU ke-12 dan didesak melepaskan jawatan Perdana Menteri. Begitu juga dengan penggantinya, Dato' Seri Najib Tun Razak yang lebih aktif dan tersusun dalam menggerakkan perubahan, juga gagal untuk meningkatkan sokongan kepada BN dalam PRU ke-13 dan kalah dalam PRU ke-14. Yang menarik di sini ialah semasa PRU ke-13, Tun Dr. Mahathir berkempen mempertahankan BN dan semasa PRU ke-14, beliau memimpin kempen PH untuk

mengalahkan BN. Namun, popularitinya segera merosot selepas komitmen perubahan yang diharapkan oleh pengundi tidak dirasakan. Bukan sahaja itu, parti BERSATU yang diasaskan olehnya keluar daripada PH dan sejumlah pengasas BERSATU kini sudah tidak berada di dalam parti itu.

Naik turun sokongan kepada pemimpin dan parti pemerintah dalam lima PRU terakhir sangat terkait dengan tuntutan perubahan. Meskipun mereka popular dalam sesetengah dasar dan program tertentu yang dijalankan, sebahagian dasar lain yang tidak popular tetap memberi kesan kepada mereka. Sebagai contoh, semasa era Tun Abdullah Ahmad Badawi, jumlah subsidi berbanding hasil kerajaan berada pada tahap tertinggi. Namun, apabila beliau menstrukturkan semula subsidi ini, bantahan besar berlaku. Apabila bertindak membatalkan atau menangguhkan beberapa projek terdahulu yang diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir, beliau dianggap sengaja cuba menghapuskan legasi kepimpinan terdahulu. Dato' Seri Najib pula cukup terkenal dengan pelbagai inisiatif di bawah kempen 1Malaysia, namun isu-isu ekonomi yang lain seperti dakwaan penyelewengan 1MDB, pengenalan sejumlah projek mega yang meningkatkan jumlah hutang negara dan GST untuk meningkatkan hasil kerajaan dinilai sebagai beban kepada rakyat. Begitu juga ketika pentadbiran Tun Dr. Mahathir bersama PH. Meskipun jumlah keseluruhan subsidi dan bantuan sosial ditingkatkan, pembatalan dan penangguhan pelbagai projek pembangunan serta penjualan aset-aset, program pemutihan dan penyelarasan semula subsidi dan bantuan sosial dinilai sebagai sejenis kegagalan menguruskan ekonomi.

Meskipun pada mulanya ada semacam satu kelegaan apabila jatuhnya pentadbiran PH, khususnya di kalangan pengundi Melayu yang merupakan pengundi teras UMNO dan PAS², perasaan tersebut kemudian beransur sederhana dan suram apabila beberapa keputusan yang diambil oleh pentadbiran beliau dalam menguruskan pandemik Covid-19 ini dilihat lemah, tidak konsisten, berpilih dan berubah-ubah. Meskipun ada pandangan sinikal terhadap PH rentetan pengumuman pakej rangsangan ekonomi, di mana ramai yang mendakwa PH berbohong ketika menyatakan keperluan mengawal perbelanjaan kerajaan bagi membayar hutang justeru wujud keperluan membatalkan projek, menjual aset dan mengurangi perbelanjaan tertentu, ramai tidak sedar bahawa Menteri Kewangan Tengku Zafrul Aziz terpaksa mengemukakan kepada Parlimen untuk meningkatkan jumlah siling hutang negara kepada 65 peratus, berbanding 55 peratus yang dinaikkan oleh Dato' Seri Najib pada tahun 2009.

Daripada perbincangan di atas, jelas ditunjukkan bahawa faktor ekonomi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap orang ramai terhadap sesebuah pentadbiran. Dari satu PRU ke satu PRU yang lain, jelas ditunjukkan sensitiviti terhadap sebarang perubahan dasar dan program ekonomi kerajaan terhadap majoriti pengundi semakin ketara. Pandemik Covid-19 semakin mendedahkan realiti ini.

Dari semasa ke semasa, dalam jangka sederhana pentadbiran pasca Kegawatan Ekonomi Asia pada tahun 1997/1998, masyarakat umum di Malaysia sering diyakinkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan bahawa asas ekonomi negara berada di landasan yang kukuh. Meskipun dakwaan ini boleh diterima, realiti sebenar akhirnya perlu dilihat pada perincian dan kesannya kepada orang ramai. Angka-angka besar seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan jumlah perdagangan negara tidak semestinya diterjemahkan kepada

2 PH hanya mendapat sokongan kurang 30 peratus. Ia berbeza mengikut negeri. Di negeri-negeri yang dipimpin oleh KEADILAN atau DAP sebelumnya, sokongan pengundi Melayu kepada PH adalah lebih tinggi.

kesejahteraan umum orang ramai. Dengan mengambil sikap objektif, kita perlu terbuka menyatakan bahawa ekonomi yang baik sekalipun tidak semestinya tidak mempunyai masalah. Inikan pula sekiranya ekonomi tidak baik.

Beberapa data sebelum PRU ke-14 sebenarnya jelas menunjukkan kenapa ada rasa tidak puas hati yang tebal di kalangan orang ramai di Malaysia:

- i. Pendapatan purata penduduk merosot antara tahun 2013 ke tahun 2016 iaitu daripada RM14,525 kepada RM12,385;
- ii. Kajian Bank Negara Malaysia (BNM) mendapati tiga perempat pekerja di Malaysia tidak mempunyai simpanan kecemasan RM1,000. Hanya 6 peratus sahaja pekerja di Malaysia mempunyai simpanan yang boleh bertahan lebih daripada 6 bulan. Manakala 18 peratus lagi mempunyai simpanan yang boleh bertahan antara 3 ke 6 bulan;
- iii. Kajian BNM ini seiring dengan corak agihan pendapatan kumpulan pesara di mana hanya 18 peratus daripada 14.8 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencecah sasaran simpanan minimum sebanyak RM228,000 apabila tiba tempoh persaraan. Seramai 65 peratus pencarum KWSP memiliki simpanan di bawah RM50,000 dan 5 peratus daripada pencarum KWSP hanya memiliki caruman kurang RM7,000. Dengan tempoh jangka hayat penduduk di Malaysia antara 72.5 tahun bagi lelaki dan 77.4 tahun bagi wanita, serta unjuran masyarakat menua yang akan meningkat kepada 15 peratus (2030) dan 50 peratus (2050), ini memerlukan perhatian mendalam supaya langkah penyelesaian boleh dimulakan lebih awal; dan
- iv. Keadaan ramai daripada rakyat Malaysia berpendapatan rendah mendorong jumlah hutang isi rumah di Malaysia berada pada tahap paling tinggi berbanding negara-negara serantau, iaitu mencecah lebih 80 peratus KDNK.

Realiti inilah yang menjadikan orang ramai lebih sensitif dan kurang bersikap anjal dalam menerima perubahan dasar dan program kerajaan. Meskipun boleh memahami alasan-alasan atau sebab-sebab yang dikemukakan oleh pemimpin politik kerajaan, mereka sebenarnya sedang berada dalam keadaan tersepit. Mereka mahukan sebuah kepimpinan yang juga sensitif terhadap isu sebenar yang dihadapi oleh mereka.

a. Kemakmuran bersama

Selaras dengan tema wacana global mengenai ketaksamaan (*inequality*) dan siri laporan agensi-agensi global berkaitannya (rujuk misalnya laporan Bank Dunia, *Poverty and Shared Prosperity 2016*), kerajaan Malaysia di bawah pentadbiran PH telah mengemukakan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2020-2030 sebagai satu misi baru pasca Wawasan 2020.

Sebenarnya, isu ketaksamaan telah mendominasi wacana ekonomi-politik di negara ini sejak Merdeka 1957, dan berterusan selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Cuma, isu ini lebih banyak dikembangkan dalam konteks ketaksamaan ekonomi antara kaum berbanding faktor demografi yang lain seperti jurang sesama kaum (*intra ethnic*), bandar dan luar bandar, antara negeri dan wilayah.

Kesedaran tentang isu ketaksamaan dalam pelbagai perspektif ini belum diterjemahkan secara berkesan dalam bentuk dasar dan program. Ketaksamaan ini antara lain disumbangkan oleh faktor Perlembagaan, undang-undang dan pendekatan yang diambil

oleh kerajaan. Sebagai contoh, bidang kuasa kerajaan yang menompokkan terlalu banyak kuasa kepada Persekutuan, corak agihan peruntukan kepada negeri-negeri, perancangan pembangunan yang memberikan keutamaan kepada kawasan yang telah maju, pembinaan lebih banyak kemudahan di kawasan yang telah sedia padat, kurangnya kecukupan pengangkutan dan perhubungan di kawasan luar bandar dan desa dan pelbagai lagi. Contoh paling klasik tentulah kewujudan sekolah-sekolah kebangsaan yang masih tidak memiliki kemudahan asas air, elektrik dan bangunan yang sesuai untuk proses pembelajaran.

b. Pengurusan Fiskal

Pada hemat saya, masalah kerajaan pada hari ini bertitik tolak daripada unjuran dan perancangan fiskal terdahulu yang memerlukan penyesuaian-penyesuaian baru dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini bukanlah tidak disedari dan difahami oleh pemimpin kerajaan termasuk jentera Eksekutif. Buktinya boleh dilihat daripada beberapa kata kunci utama dalam laporan-laporan ekonomi yang diterbitkan dari tahun ke tahun. Jelas di sana dinyatakan tentang langkah konsolidasi fiskal (baca: penjimatan) yang cuba diambil.

Langkah konsolidasi fiskal ini perlu diambil memandangkan sejak Merdeka, negara kita umumnya mengamalkan perbelanjaan defisit secara berterusan melalui pendekatan hutang baru membayar hutang lama (*debt roll-over*). Bagaimanapun, kerajaan pernah mengamalkan lebihan belanjawan (*surplus budget*) pada era 1990-an, ketika Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan. Dalam maksud lain, jalan terbaik untuk mengamalkan konsolidasi fiskal ialah dengan menyemak semula corak perbelanjaan, bukan bergantung kepada hutang yang bersifat 'menggali lubang untuk menutup lubang' kerana lambat laun lubang ini mungkin semakin besar dan kita tidak akan mampu lagi menampungnya.

Cabarannya ialah kebelakangan ini semua hasil kutipan kerajaan digunakan untuk belanja mengurus, bukan belanja pembangunan. Dalam maksud lain, semua perbelanjaan pembangunan kita dibuat secara berhutang, sama ada hutang langsung kerajaan atau melalui syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) (*offset budget*). Sebahagian hutang syarikat ini ditanggung oleh pihak kerajaan.

Bagi mengurangkan belanja mengurus atau meningkatkan belanja pembangunan dalam tempoh sederhana atau jangka masa panjang, satu penelitian perlu dilakukan oleh kerajaan untuk sama ada misalnya:

- i. Mengurangi subsidi – sebagaimana pernah dilakukan antara zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi ke zaman Dato' Seri Najib Tun Razak;
- ii. Mengurangkan jumlah penjawat awam – sebagaimana cuba dilakukan melalui pengenalan Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) di zaman Dato' Seri Najib Tun Razak yang kemudian dibatalkan. Skim ini bukan sahaja bertujuan menyesuaikan jumlah kakitangan awam yang berkesan di dalam perkhidmatan, tetapi juga bagi mengawal perbelanjaan pencen kerajaan pada masa akan datang;
- iii. Menambah hasil kerajaan melalui kutipan cukai-cukai baru – sebagaimana cuba dilaksanakan oleh semua pentadbiran. Pendekatan ini semakin tidak sensitif jika mengambil kira realiti majoriti rakyat semakin kehilangan pendapatan boleh guna;
- iv. Mengurangkan ketirisan dalam pemerolehan kerajaan dengan memperbanyakkan

- dan memperketatkan proses persaingan penawaran daripada pembekal atau pun pemaju projek. Projek-projek bersifat kerjasama awam-swasta patut digalakkan;
- v. Menswastakan sebahagian perkhidmatan dan pengurusan kerajaan. Pendekatan ini pernah dilakukan secara intensif pada tahun-tahun awal 1990-an dan di zaman pentadbiran Dato' Seri Najib. Manakala penswastaan baik untuk melancarkan lagi kegiatan ekonomi, perhatian perlu diberikan sistem kawal selia khususnya kepada nasib pekerja dari segi skim gaji dan persaraan serta perkhidmatan pelanggan;
 - vi. Mengurangkan pinjaman kerajaan dari tahun ke tahun. Ini mungkin menjadikan projek-projek yang ingin dijalankan oleh kerajaan bergerak lebih perlahan;
 - vii. Menentukan projek terbaik dari segi pulangan ekonominya dan meningkatkan kecekapan projek-projek kerajaan. Bagi mendapatkan pulangan optimum kepada pelaburan kerajaan, setiap projek perlu disiapkan mengikut perancangannya. Ini akan mengurangkan kos tambahan yang perlu dibayar oleh kerajaan dan sekaligus dapat memberi pulangan balik kepada ekonomi melalui pengoperasiannya;
 - viii. Penilaian teliti keputusan untuk menjalankan sesebuah projek. Semua projek yang ingin dijalankan mesti menghitung unjuran kegunaan dan kos penyelenggaraan. Sebagai contoh, 27 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dibuka di seluruh negara. Apakah keperluan sehingga 27 buah IPG yang menelan perbelanjaan berbillion ringgit dan kini mahu ditutup? Kesan rantaianya seperti perjawatan tenaga pengajar, penyelenggaraan kampus-kampus yang tidak digunakan (atau mungkin diambil alih oleh institusi kerajaan yang lain) adalah contoh perbelanjaan besar yang boleh dikurangkan sekiranya perancangan dibuat dengan lebih teliti;
 - ix. Menghentikan program-program mega bersifat *one-off*; dan
 - x. Menghadkan jumlah pelantikan politik ke dalam agensi-agensi kerajaan.

c. Memajukan demokrasi

Pengurusan ekonomi yang menjadi faktor keresahan utama orang ramai memerlukan sebuah sistem membuat keputusan yang lebih jitu. Pembuatan keputusan yang jitu ini tidak boleh hanya bergantung kepada kesanggupan politik (*political will*) seseorang atau sejumlah pemimpin politik semata-mata. Sebaliknya, sistem demokrasi di Malaysia mesti ditambah baik untuk menjadikan peluang untuk pemimpin-pemimpin sebegini lebih berpeluang bersaing di padang yang sama rata dan terbuka untuk menawarkan perkhidmatan mereka.

Perubahan demografi pengundi dan cabaran zaman juga menuntut pemimpin-pemimpin politik bergerak seiring dengan tuntutan-tuntutan baru tanpa mengabaikan nilai-nilai asas dan teras dalam kepimpinan seperti keadilan, kebebasan, persamaan di sisi undang-undang, berilmu dan berakhlak.

Kemajuan demokrasi di Malaysia mesti dimulakan dalam sistem pilihan raya dan sistem berparlimen. Semasa pentadbiran PH, dua perubahan penting telah berjaya dilakukan iaitu untuk menjadikan pendaftaran pengundian secara automatik dan menurunkan usia layak mengundi kepada 18 tahun. Kejayaan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq bin

Syed Abdul Rahman untuk mendapatkan sokongan sebulat suara ahli-ahli Parlimen bagi meluluskan pindaan Perlembagaan dalam hal ini patut dipuji.

Kita memerlukan perubahan dalam sistem perwakilan melalui pilihan raya kerana dari semasa ke semasa, semakin ternampak sistem *First Past the Post* (baca: yang menang dapat semua) yang diamalkan di negara kita tidak memberikan banyak hasil yang bermakna. Sistem terbaik yang boleh difikirkan ialah hibrid daripada sistem perwakilan berkadar (*proportionate representative*) dengan memasukkan senarai parti (*party list*) dalam senarai pilihan.

Parlimen mesti memainkan peranannya sebagai satu daripada cabang pemerintahan dan bukan sebuah jabatan kerajaan. Bagi menggambarkan maksud ini, beberapa tindakan boleh diambil antaranya:

- i. Akta Perkhidmatan Parlimen mesti dikembalikan. Tanggungan peruntukan untuk Parlimen mesti disediakan secukupnya; misalnya pada kadar 5 peratus daripada jumlah Belanjawan tahunan. Agak mendukacitakan apabila Parlimen sebagai institusi pembuat keputusan tertinggi mendapat peruntukan lebih kecil daripada sesebuah jabatan kerajaan;
- ii. Kewibawaan Yang Di Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara mestilah dipamerkan. Urusan pelantikan dan penggantian Yang Di Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara mestilah dilakukan mengikut keutamaan yang jelas iaitu dengan menguji keabsahan sesebuah kerajaan terlebih dahulu. Meskipun jawatan Menteri Undang-Undang boleh diwujudkan, ia tidak boleh berperanan seolah-olah sebagai ketua yang menentukan perjalanan dan penafsiran peraturan di Parlimen;
- iii. Ahli-ahli Parlimen mesti disibukkan dengan urusan pembuatan undang-undang dan berperanan sebagai penyemak imbang dasar-dasar kerajaan. Ini mesti dibuat dengan memastikan setiap ahli Parlimen berpeluang berperanan dalam jawatankuasa pilihan khas Parlimen yang dibentuk oleh Parlimen. Tidak ada mana-mana ahli Parlimen patut dibenarkan memegang sebarang jawatan dalam syarikat berkaitan kerajaan. Jika perlu, seseorang ahli Parlimen yang mahu dilantik memegang jawatan dalam agensi kerajaan yang bukan bersifat perniagaan, kewibawaannya yang berkaitan dengan agensi tersebut mestilah dibentang dan sokongan majoriti daripada ahli-ahli Dewan perlulah didapatkan;
- iv. Hari pembangkang mesti diperkenalkan untuk membolehkan usul-usul persendirian ahli-ahli Dewan daripada pembangkang dibawa untuk perbahasan. Untuk permulaan, hari pembangkang ini boleh dibuat sehari dalam setiap persidangan;
- v. Parlimen mesti menguruskan peruntukan pembangunan kawasan semua kawasan Parlimen. Satu peruntukan khas untuk pembangunan kawasan Parlimen mesti diberi kepada semua ahli Parlimen. Peruntukan khas ini mestilah mengambil kira jumlah pengundi berdaftar di sesebuah kawasan Parlimen tersebut semasa hari pengundian misalnya RM100 bagi setiap jumlah pengundi. Peraturan kewangan tertentu mesti ditetapkan untuk membolehkan peruntukan ini digunakan dengan tujuan yang betul dan telus.

Sejak tahun 2008, berlaku satu bentuk krisis yang semakin menampakkan corak tertentu iaitu pelantikan dan penggantian ketua eksekutif di peringkat negeri-negeri dan Persekutuan. Ini berlaku di negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Johor, Terengganu dan Sabah serta kerajaan Persekutuan. Sekiranya langkah wajar tidak diambil, krisis ini bukan sahaja berpotensi mewujudkan ketidakstabilan politik berpanjangan, tetapi juga boleh mengheret institusi Diraja ke dalam pergolakan politik.

Satu ketetapan perlu dibuat bahawa kecuali selepas PRU, mana-mana ketua eksekutif yang menggantikan ketua eksekutif yang diangkat semasa PRU, sama ada kerana peralihan kuasa dalam parti pemerintah yang sama atau bukan, atau kerana faktor lain misalnya kematian atau peletakan jawatan, mestilah menguji kepercayaan terhadap beliau dalam mesyuarat pertama sebaik sahaja beliau mengambil alih jawatan tersebut. Ketetapan ini mestilah diseirinkan dengan peraturan mesyuarat di Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri.

Isu legitimasi kerajaan adalah isu pokok sebelum mana-mana sidang Parlimen berjalan untuk meluluskan sebarang rang undang-undang atau perbekalan. Meskipun sokongan majoriti boleh dibuktikan di luar Parlimen, dan ia diterima secara perundangan di Malaysia berdasarkan kes duluan, ia lebih berpotensi mewujudkan satu keadaan tidak stabil kepada mana-mana pentadbiran. Justeru itu, usul undi tidak percaya mesti menjadi keutamaan Dewan. Peralihan kuasa mesti dibenarkan berjalan dengan cara yang tertib. Jika perlu, Parlimen boleh menentukan bahawa sebarang undi tidak percaya hanya boleh dikemukakan sekali kepada Parlimen dalam setiap Sidang melalui sokongan 15 ahli Parlimen yang lain, sebagaimana peraturan untuk mana-mana usul dibuat belah bahagian.

Penutup

Kertas perbincangan ini bertujuan untuk meletakkan perspektif yang wajar dalam perbincangan mengenai proses perubahan yang telah, sedang dan akan berlaku di Malaysia. Manakala ramai beranggapan perubahan hanya perlu difikirkan sekiranya ada masalah tertentu (justeru itu *status quo* boleh dikekalkan), peralihan zaman menuntut pembaharuan dalam cara berfikir, membuat keputusan dan bertindak bagi mencapai hasil yang berbeza. Kegagalan menyesuaikan diri dengan perkembangan politik dan ekonomi yang bergerak dengan lebih pantas dan rencam hanya akan menyebabkan kita terus ketinggalan dalam persaingan global.

Dalam makalah ini ditunjukkan betapa sebenarnya tuntutan perubahan itu wujud dan tidak berasaskan sentimen kepartian semata-mata sebagaimana sangkaan ramai pemain politik. Tuntutan perubahan ini antara lain berpunca daripada hasil kelemahan atau kekurangan dalam dasar dan program terdahulu dan cabaran baharu dalam peralihan zaman. Hasil ini paling jelas ditandai oleh ketaksamaan dalam masyarakat. Kegagalan mengenal pasti masalah-masalah ini dan mengambil langkah penyesuaian yang wajar hanya berpotensi menjadikan masalah-masalah ini semakin rumit dan sukar untuk ditangani.

Beberapa pendekatan telah diambil oleh pemimpin-pemimpin politik berbeza daripada parti berbeza semasa mereka berkuasa. Manakala sebahagian pendekatan ini popular dan dapat menarik sokongan ramai, ia belum secara sistematik menyelesaikan masalah ketaksamaan yang dibincangkan. Pendekatan liberalisasi ekonomi yang cuba diambil oleh kerajaan hanya mungkin berjaya sekiranya wujud kesedaran bahawa liberalisasi hanya boleh berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan dengan kekuatan institusi demokrasi dan kurangnya campur tangan tidak wajar ahli-ahli politik dalam proses ekonomi.

Masalah yang datang bersama peluang dan cabaran ini hanya mungkin boleh ditangani dengan jayanya sekiranya setiap pendekatan dasar dan program yang mahu dilaksanakan melalui satu proses saringan yang lebih ketat, mengambil kira bukan sahaja kedudukan fiskal semasa dan pulangan ekonomi dalam bentuk wang, tetapi mengambil kira aspek kelestarian yang lebih luas dan menyeluruh menyentuh persoalan pengukuhan institusi demokrasi, kemapanan alam sekitar dan perlindungan hak kemanusiaan khususnya kepada kumpulan paling rapuh.

Rujukan-rujukan umum

1. Laporan-Laporan Ekonomi Malaysia Tahunan 1999-2018.
2. Tinjauan Ekonomi 2019-2021.
3. Tinjauan Fiskal dan Anggaran Kerajaan Persekutuan 2019-2021.
4. Pengurusan Bayaran Pencen Malaysia: Cabaran Fiskal dan Ekonomi, pembentangan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam di Parlimen. Program anjuran Kaukus Ahli Parlimen Muda Dewan Rakyat pada 7 Oktober 2019.
5. Perbincangan Meja Bulat: Kecukupan Simpanan Menjelang Persaraan, pembentangan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Parlimen. Program anjuran Kaukus Ahli Parlimen Muda Dewan Rakyat pada 7 Oktober 2019.
6. Pelbagai jawapan rasmi Kementerian di Dewan Rakyat.
7. Pelbagai sumber media sah berkaitan peristiwa politik, pencapaian Perdana Menteri-Perdana Menteri semasa pentadbiran mereka.

INSTITUTE *for* LEADERSHIP
& DEVELOPMENT STUDIES

Enabling Market Solutions